

**PERISYTIHARAN SURAT IKATAN AMANAH
(DECLARATION OF A TRUSTED DEED)**

Perisytiharan Surat Ikatam Amanah ini dibuat padahb 2019 oleh NOR MARIA BINTI AHMAD, NO. K/P: ~~012345-67-8901~~ yang beralamat di No. Jalan, Taman Kemuning, 42700 Banting, Selangor (selepas ini dirujuk sebagai "Pemegang Amanah").

BAHAWASANYA:-

1. Saya NOR MARIA BINTI AHMAD, NO. K/P : ~~012345-67-8901~~ adalah pemilik berdaftar sekeping tanah yang dipegang di bawah GM 491 Lot 4689- Mukim Teluk Panglima Garang Daerah Kuala Langat seluas 1.6187 hektar. (Selepas ini dirujuk sebagai hartanah tersebut.) Hartanah tersebut tertakluk kepada jenis kegunaan tanah "Pertanian" dan syer yang dipegang adalah $\frac{1}{4}$ bahagian daripada keseluruhan syer seluas 1.6187 hektar.
2. Semua pihak-pihak yang terlibat dengan Surat Ikatam Amanah ini mengesahkan bahawa pemilik berdaftar tanah ini memohon didaftarkan sebagai Pemegang Amanah ke atas keseluruhan bahagian tersebut kepada nama seperti dalam jadual di bawah ini:-

BIL	NAMA	NO. K/P	SYER
1.	Ahmad Jeffrey bin Mohd Sumairi	XXXXXXXXXX	2/16
2.	Mohd Rahim bin Mhd Isa	XXXXXXXXXX	1/16
3.	Samran bin Omar	XXXXXXXXXX	1/16

3. Oleh kerana sekatan yang dikenakan oleh Kanun Tanah Negara 1965, yang mana tanah pertanian tidak boleh dipindahmilik, jika pindahmilik tersebut memberi kesan kepada mewujudkan syer yang tidak dipecahkan kurang daripada 2/5 hektar (1 ekar) kecuali kepada satu orang sahaja, pemilik berdaftar tanah ini bersetuju memegang amanah hartanah tersebut sebagai "Pemegang Amanah" bagi pihak :-

BIL	NAMA	NO. K/P	SYER
1.	Ahmad Jeffrey bin Mohd Sumairi	XXXXXXXXXX	2/16
2.	Mohd Rahim bin Mhd Isa	XXXXXXXXXX	1/16
3.	Samran bin Omar	XXXXXXXXXX	1/16

4. OLEH YANG DEMIKIAN, Surat Ikatam Amanah ini dibuat mengikut penyaksian bahawa "Pemegang Amanah" dengan MENGISYTIHARKAN dan MENGESAHKAN bahawa beliau hendaklah memegang hartanah tersebut yang didaftarkan sebagai "Pemegang Amanah" untuk kegunaan dan faedah :-

BIL	NAMA	NO. K/P	SYER
1.	Ahmad Jeffrey bin Mohd Sumairi	XXXXXXXXXX	2/16
2.	Mohd Rahim bin Mhd Isa	XXXXXXXXXX	1/16
3.	Samran bin Omar	XXXXXXXXXX	1/16

(Selepas ini dirujuk sebagai orang-orang yang menerima faedah (*Beneficiaries*)) berdasarkan kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut :-

- i. Pemegang Amanah hendaklah mengambil tindakan menurut Seksyen 344(2) Kanun Tanah Negara 1965 untuk mengefekkan pendaftaran namanya sebagai Pemegang Amanah.
- ii. Pemegang Amanah tidak boleh dengan apa-apa alasan sekalipun memindahmilik, menjual, menggadai dan memajak hartanah tersebut tanpa suratkuasa bertulis daripada *beneficiaries*.
- iii. *Beneficiaries* hendaklah menjelaskan sejumlah wang yang dikira mengikut yang dipegangnya dalam Surat Ikatan Amanah ini sebagai cukai tahunan kepada Pemegang Amanah setiap tahun selepas Surat Ikatan Amanah ini berkuatkuasa.
- iv. Sekiranya Pemegang Amanah meninggal dunia dan Surat Ikatan Amanah masih berkuatkuasa, *beneficiaries* berhak dan layak untuk memohon perintah pembahagian Harta Pusaka (*Distribution Suit*) supaya nama beliau disenaraikan sebagai *beneficiaries*, seterusnya didaftarkan dalam hakmilik hartanah tersebut.

5. Sebagai menyaksikan Surat Ikatan Amanah, "Pemegang Amanah" dengan ini menurunkan tandatangan pada hari dan tarikh yang tersebut di atas.

Ditandatangani oleh)

Pemegang Amanah)

Dihadapan)

(NOR MARIA BINTI AHMAD)

Saya dengan ini mengakui bahawa tandatangan di atas telah dibuat dihadapan saya padahb 2019 dan mengesahkan :-

- i. Bahawa beliau adalah cukup umur
- ii. Bahawa beliau telah menyempurnakan Surat Ikatan Amanah ini dengan rela hatinya sendiri dan,
- iii. Bahawa beliau faham akan kandungan Surat Ikatan Amanah ini dan natijahnya
- iv. Bahawa perihal tanah ke atas hakmilik GM 491 Lot 4689 Mukim Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor adalah benar.

Disaksikan Oleh :

.....